

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### .1 Pengenalan

Perkembangan dalam sesebuah negara amat berkait rapat dengan perkembangan sains dan teknologi dan modal insan yang dimilikinya. Dua aspek penting ini telah diberi perhatian khusus oleh kerajaan untuk membolehkan konsep pembangunan yang lestari lagi seimbang dapat diwujudkan. Ini bertepatan dengan pembentangan Rancangan Malaysia ke-9 oleh mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang telah mensasarkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam mencapai wawasan 2020.<sup>1</sup> Terdapat tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama iaitu meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu, mengukuhkan keupayaan sains, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi dan juga memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.<sup>2</sup>

Pembangunan modal insan ini meliputi usaha ke arah melahirkan insan yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya. Kesemuanya faktor-faktor tersebut adalah sebagai langkah awal untuk mencapai laluan Wawasan 2020, iaitu menuju cabaran yang ke enam iaitu mewujudkan masyarakat yang saintifik dan progresif. Menurut Adnan,<sup>3</sup> Malaysia sebagai sebuah negara yang muda dengan umur median rakyat hanya 23 tahun, perlu menyediakan sumber manusia yang dapat mengambil alih tanggungjawab membina negara. Mereka harus disemai dengan sifat-

---

<sup>1</sup> *Rancangan Malaysia Ke 9* (2006), 31 Mac 2006.

<sup>2</sup> Amini Amir Abdullah (2006), "Pembangunan dan Kemajuan Modal Insan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9): Satu Penelitian", dalam Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim *et al.* (eds.), *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 131.

<sup>3</sup> Adnan Hj. Adnan (2003), *Pembangunan Sosioekonomi Dalam Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 219.

sifat kerajinan, ketekunan dan disiplin diri. Satu daripada agenda penting negara ialah untuk memupuk budaya kecemerlangan di kalangan rakyat, iaitu sama pentingnya dengan pembangunan etika dan moral, kerohanian serta amalan beretika yang disebut juga sebagai kemahiran generik (*soft skill*) ataupun kemahiran insaniah.

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran umum tentang kualiti, kebolehan dan ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kritis dan bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan.<sup>4</sup> Justeru perkhidmatan yang diberikan oleh golongan profesional seperti jurutera, doktor, arkitek, peguam, akauntan dan lain-lain amat penting dalam membangun dan mempertingkatkan kesejahteraan hidup sesuatu masyarakat. Sebagai golongan yang diberikan status tinggi dalam masyarakat, sudah sewajarnya mereka menjalankan tanggungjawab memberikan perkhidmatan itu dengan penuh dedikasi, jujur dan amanah.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa golongan profesional ini sentiasa berhadapan dengan berbagai-bagai dilema etika yang kalau tidak ditangani dengan baik akan menjejaskan imej dan bidang kerjayanya. Ada kalanya seorang profesional yang mempunyai kesedaran etika yang rendah akan mudah terjerumus dalam perbuatan salah laku (tidak beretika) seperti perbuatan mengambil rasuah, melakukan penipuan, pecah amanah, mementingkan diri sendiri dan lain-lain. Kalau perbuatan ini berterusan dan berleluasa sudah pastilah masyarakat dan negara akan menanggung akibatnya. Oleh itu, pengetahuan dan kesedaran etika dan moral harus ada di kalangan semua profesional ini terutamanya di kalangan jurutera.<sup>5</sup>

---

<sup>4</sup> Asmah Abdullah (2006), *Running With The Ball*. Prospect Malaysia. Jilid 1, h. 31.

<sup>5</sup> Mohd. Janib Johari (2001), *Etika Profesional*. Skudai: Penerbit UTM, h. 34.

Pihak yang berkepentingan (*stake holder*) iaitu majikan secara tidak langsung melihat kepentingan etika dan moral sebagai nilai tambah yang melengkapkan lagi pembangunan sumber manusia mereka. Majikan mulai sedar bahawa penguasaan kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi dalam pembangunan kerjaya sebagai jurutera, malahan ianya juga perlu kepada penguasaan ilmu insaniah. Kebolehpasaran graduan juga berkait rapat dengan peribadi unggul yang mencakupi nilai etika dan moral dalam diri mereka. Oleh yang demikian, isu yang berlegar dengan etika dan moral misalnya, mestilah dibincangkan dan diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan masyarakat sesebuah negara termasuklah pihak industri itu sendiri. Ahmad Syukri dan Rosman berpandangan bahawa 'kos' tingkah laku yang tidak beretika adalah terlalu mahal untuk dibayar oleh negara dan masyarakat, di samping membazirkan kepakaran, masa dan sumber alam.<sup>6</sup>

Dalam masa yang sama, penghayatan terhadap Falsafah Pendidikan Negara adalah relevan ke arah merealisasikan pembangunan etika dan moral ini yang menyatakan seperti berikut:

*Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.*

Berdasarkan pernyataan di atas, matlamat pendidikan negara bolehlah dinyatakan sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta merangkumi aspek akhlak mulia dan berketrampilan. Selain itu, falsafah pendidikan

---

<sup>6</sup> Ahmad Syukri dan Rosman (2003), *Konsep, Teori dan Isu Pembangunan*. Skudai: Penerbit UTM, h. 240.

negara juga telah dihuraikan menerusi matlamatnya antara lain menyebutkan ianya bertujuan membentuk pekerja yang positif, cekap dan bertanggungjawab terhadap kemajuan peribadi dan pembangunan negara.<sup>7</sup> Di samping itu, ianya diperkuatkan lagi dengan misi penubuhan UTeM sendiri iaitu:

*Melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui pendidikan universiti teknikal berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi serta perkongsian pintar universiti-industri sejajar dengan aspirasi negara.*<sup>8</sup>

Justeru, pembangunan etika dan moral ini perlu diteroka dan dikaji dengan melihat kursus-kursus yang ditawarkan agar ianya seiring dan selaras dengan falsafah pendidikan dan juga objektif penubuhan UTeM. Situasi ini sewajarnya dinilai dengan lebih mendalam supaya pembangunan etika dan moral IPT, khususnya di UTeM dapat dilaksanakan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, kandungan kursus serta penilaian kursus supaya ianya dapat membantu dalam melahirkan generasi pelajar yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan tinggi. Dalam pada masa yang sama, kajian ini juga dapat membantu para pelajar menyedari bahawa kepentingan pembangunan etika dan moral ini dapat memberikan nilai tambah dalam proses pemilihan kerja kelak.

## **.2 Permasalahan Kajian**

Dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama terdapat tiga strategi utama yang digariskan oleh mantan Perdana Menteri ke empat, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika membentangkan RMK9 (2006), iaitu pertamanya meningkatkan keupayaan dan

---

<sup>7</sup> Ahmad Mohd. Salleh (1997), *Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. h.118  
<sup>8</sup> Universiti Teknikal Malaysia Melaka, [www. utem.edu.my/misi utem](http://www.utem.edu.my/misi_utem), 10 Julai 2007.

penguasaan ilmu pengetahuan, kedua memperkukuh keupayaan sains, R&D dan inovasi dan yang ketiga memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

Aspek etika dan moral mempunyai kaitan yang kuat dengan pembangunan sesebuah negara. Umum menyedari bahawa pada masa kini, banyak berlakunya kemerosotan moral di kalangan golongan profesional di negara kita seperti rasuah dan pecah amanah. Masalah ini akan menyebabkan proses pembinaan modal insan kelas pertama akan terjejas. Menyedari hakikat ini masalah yang timbul mestilah diatasi dengan serius.

Pihak kerajaan sedar akan kepentingan etika dan moral dalam sistem pendidikan negara dengan adanya falsafah pendidikan negara yang menekankan keseimbangan aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani serta merangkumi aspek akhlak dan berkeترampilan. Universiti pula adalah agen perubahan dalam masyarakat yang berperanan memberikan pendidikan tinggi, sekaligus berfungsi menangani masalah kepincangan etika dan moral yang berlaku. Sehubungan itu, penubuhan IPT di negara kita mempunyai tanggungjawab yang besar dalam merealisasikan falsafah pendidikan negara. Pihak UTeM juga tidak terkecuali dalam mengambil tanggungjawab ini melalui misi penubuhannya yang menggariskan agar keluarannya mempunyai sahsiah yang murni, kompeten dan juga berkeترampilan.

Sementara itu, pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan di UTeM amat berkait rapat dengan pelaksanaan Kemahiran Insaniah (KI) di IPT. KI adalah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik. Elemen KI untuk IPT ditentukan berdasarkan kepada pandangan pakar, kajian dan pengalaman IPT yang telah melaksanakannya. Tujuh elemen utama yang dipilih untuk dilaksanakan di IPT

merangkumi kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesionalisme dan kemahiran kepimpinan.<sup>9</sup>

Sehubungan itu, persoalan ditimbulkan ialah sejauh manakah kursus-kursus yang ditawarkan dapat membangunkan elemen etika dan moral ke arah pembangunan modal insan negara. Berdasarkan kepada persoalan-persoalan di atas, maka satu kajian perlu dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut. Kajian ini akan membincangkan elemen-elemen etika dan moral yang terdapat di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM, mekanisme yang digunakan dan juga kesan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam pembinaan etika dan moral di kalangan pelajar.

### **.3 Objektif Kajian**

Dengan merujuk kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini, objektif kajian secara umum adalah untuk mengenalpasti elemen etika dan moral menerusi pelaksanaan KI sepertimana yang disarankan oleh KPT kepada seluruh IPT, khususnya di UTeM. Oleh itu, terdapat tiga objektif kajian yang digariskan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Mengetahui elemen etika dan moral yang terdapat di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM.
2. Mengetahui mekanisme yang digunakan dalam membangunkan aspek etika dan moral di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM.

---

<sup>9</sup> Radin Umar bin Radin Sohadi *et al.* (2006), *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skill) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 8.

3. Melihat keberkesanan pembangunan etika dan moral dalam kursus yang ditawarkan di UTeM.
4. Mengenal pasti halangan pembangunan etika dan moral dalam kursus yang ditawarkan di UTeM.

#### **.4 Kepentingan Kajian**

Pengkaji memilih kajian ini berdasarkan beberapa kepentingan yang dapat dimanfaatkan oleh universiti, pelajar, masyarakat dan negara, iaitu:

1. Bagi pihak universiti, kajian ini akan dapat menyumbang penambahbaikan aspek kemahiran insaniah kepada para pelajar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan mereka. Ini bersesuaian dengan objektif UTeM iaitu untuk melahirkan graduan yang bersahsiah murni, kompeten dan berketrampilan tinggi yang menjadi pilihan utama industri.
2. Golongan pelajar pada hari ini adalah merupakan aset penting dalam penyediaan modal insan negara pada masa akan datang. Kebejatan etika dan moral pelajar sering menjadi isu yang diperdebatkan oleh umum. Kursus-kursus yang ditawarkan di IPT mestilah mempunyai elemen etika dan moral dalam membangunkan peribadi pelajar. Oleh itu, kajian terhadap pembangunan etika dan moral dalam kursus-kursus yang ditawarkan di IPT secara umum dan UTeM khususnya adalah penting bagi menangani masalah tersebut.
3. Kajian ini juga penting dalam menambah maklumat terkini berhubung dengan mekanisme yang digunakan dalam membangunkan etika dan moral dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di IPT. Maklumat yang diperoleh dapat membantu para penyelidik untuk meneruskan kajian pada masa akan datang dalam

mempertingkatkan lagi mutu pendidikan negara dan juga bidang-bidang lain yang berkaitan dengannya.

4. Kementerian Pengajian Tinggi juga akan dapat memanfaatkan kajian ini melalui dapatan kajian yang diperoleh dalam memantapkan lagi modul kemahiran insaniah di kalangan para pelajar di seluruh pusat pengajian tinggi awam mahupun swasta. Penambahbaikan dapat dibuat setelah dapat mengenalpasti keberkesanan, masalah dan kekurangan yang timbul semasa kajian ini dilakukan.
5. Bagi peringkat negara, kajian ini juga penting dan boleh dijadikan panduan berguna dalam menyediakan pembangunan modal insan berkebolehpasaran (*employability*). Ini akan dapat direalisasikan dengan lahirnya jurutera minda kelas pertama (*towering personality*) yang dapat menyumbang kepakaran dalam memenuhi keperluan industri negara.

## **.5 Skop kajian**

Kajian yang dijalankan ini hanya membataskan kepada kursus-kursus yang ditawarkan oleh tiga kelompok fakulti di UTeM. Kelompok pertama ialah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), kelompok yang ke dua ialah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komputer (FTMK) dan kelompok yang ke tiga adalah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE). Kesemua kursus-kursus yang dikaji merangkumi kursus Teras Program (TP) dan kursus Wajib Universiti (WU). Kursus-kursus TP ditawarkan oleh fakulti yang terlibat dalam kajian ini, manakala bagi kursus WU ia ditawarkan oleh Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI). Manakala untuk responden pula, kajian ini membataskan kepada dua kelompok responden sahaja iaitu kelompok pensyarah dan pelajar berdasarkan pemilihan sampel yang akan dihuraikan dalam bab ini. Selain itu, pengkaji



juga membataskan tajuk kajian Pembangunan Etika dan Moral dalam Kursus-kursus yang Ditawarkan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Definisi etika dan moral dalam tajuk kajian ini adalah merujuk kepada etika dan moral menurut perspektif Islam dan perbincangan mengenainya akan dibincangkan di dalam Bab Dua.

## **.6 Definisi Tajuk**

Bagi menjelaskan kefahaman dan pengetahuan tentang kajian ini, penulis akan mengemukakan beberapa definisi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Setiap definisi yang diberikan akan menjelaskan konsep dan teori terhadap kajian yang akan dijalankan. Sehubungan itu, definisi dihuraikan daripada dua sudut iaitu bahasa dan istilah. Daripada sudut bahasa, definisi akan diambil daripada kamus-kamus yang berkaitan sama ada bahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Manakala daripada sudut istilah pula, penjelasan daripada tokoh-tokoh penulis juga diambil bagi mengukuhkan pemahaman dalam kajian ini.

### **.6.1 Pembangunan**

Perkataan pembangunan adalah dari akar perkataan bangun. Zainal Abidin Safarwan menjelaskan pembangunan adalah pengembangan, pembinaan, pembaharuan dan pembaikan.<sup>10</sup> Manakala menurut Ainon Mohd & Abdullah Hassan perkataan pembangunan dalam bahasa Inggeris disebut '*development*' membawa erti kemajuan, pembinaan, perkembangan, pengembangan dan pembangunan.<sup>11</sup> Noresah Baharom pula mendefinisikan pembangunan sebagai perihal membangun, proses membangun iaitu

---

<sup>10</sup> Zainal Abidin Safarwan (2000), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors. Sdn. Bhd., h. 150.

<sup>11</sup> Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2004), *Kamus Inggeris – Melayu Untuk Penterjemah*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors. Sdn. Bhd., h. 95.

mencapai kemajuan, perkembangan, usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan.<sup>12</sup>

Berdasarkan definisi-definisi yang telah dibawakan sebelum ini, pembangunan dalam konteks kajian ini adalah lebih dekat kepada definisi yang diberikan oleh Noresah Baharom iaitu usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan. Oleh itu dalam konteks kajian ini ia merujuk kepada usaha untuk mengembangkan etika dan moral dalam kalangan pelajar melalui kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM.

## **.6.2 Etika**

Etika adalah perkataan yang sering diguna pakai dalam kehidupan seharian kita. Ia sering digandingkan dengan perkataan moral bagi menjelaskan keadaan ataupun perilaku seseorang. Oleh itu, dalam bahagian ini penulis akan menghuraikan pengertian etika terlebih dahulu dan kemudiannya diikuti dengan definisi moral.

Di dalam *Kamus Dewan*, etika adalah dari perkataan *etik*, yang bermaksud prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak atau tingkah laku yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan).<sup>13</sup> Dalam bahasa Inggeris pula ia disebut *ethic* iaitu *a system of accepted beliefs which control behavior, such a system based on morals*.<sup>14</sup> Menurut *Academic American Encyclopedia* pula mengatakan asal perkataan etika (*etiquette*) boleh dikesan dari perkataan Perancis ‘*one etiquette*’ iaitu (satu tiket) satu senarai peraturan yang menerangkan tingkah laku yang boleh diterima untuk setiap keadaan yang boleh dicabar di mahkamah.<sup>15</sup>

---

<sup>12</sup> Noresah Baharom (1992), *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 123.

<sup>13</sup> Teuku Iskandar (1991), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 319.

<sup>14</sup> Paul Procter (1997), *Cambridge International Dictionary of English*. Cambridge: Cambridge University Press, h. 470.

<sup>15</sup> Lihat *Academic American Encyclopedia* (1982), Bil. 7, Danbury: Grolier Inc., h. 258.

Manakala menurut Abdul Razak Omar & Nor Zanah Jamari memetik kata-kata Shaw (1991) mendakwa *ethics* atau etika adalah berasal dari perkataan Greek – “*ethos*” yang membawa maksud perangai, keperibadian (*character*) atau adat (*custom*). Pandangan ini turut diperkuatkan lagi dengan K. Berthens yang menyebutkan bahawa etika apabila disebut dalam bentuk tunggal mempunyai banyak erti, antaranya tempat tinggal yang biasa, padang rumput, kandang, kebiasaan, adat, akhlak, watak, perasaan, sikap dan cara berfikir. Dalam bentuk jamak pula (*ta etha*) ertinya adat kebiasaan.<sup>16</sup> Sementara *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* mengembangkan lagi definisi ini sebagai satu sistem yang merangkumi prinsip-prinsip moral dan undang-undang yang boleh dikendalikan.<sup>17</sup> Kedua-dua kamus yang disebut di atas merujuk etika sebagai satu sistem yang mengawal perlakuan bermoral dalam sesebuah masyarakat.

Solomon pula menjelaskan lagi maksud etika ini dalam bukunya *Morality and The Good Life* dengan membawa konsep etika kepada dua perkara asas iaitu pertama, perangai individu, termasuk apa yang dimaksudkan sebagai ‘seorang yang baik’ dan yang kedua, peraturan sosial yang mengawal serta menghadkan tingkah laku manusia terutama sekali tentang peraturan muktamad yang menjelaskan perkara yang baik (*good*) dan buruk (*evil*) yang bergelar moral.<sup>18</sup> Pandangan ini diperkuatkan lagi dengan tulisan selanjutnya oleh Mohd. Nasir Omar yang menyebut bahawa etika adalah falsafah tentang tingkah laku manusia dilihat dari aspek-aspek lahiriah dan batiniahnya.<sup>19</sup>

Pendapat ini jug seiring dengan Mike W. Martin yang menyatakan bahawa etika secara umumnya adalah falsafah moral (*moral philosophy*), iaitu falsafah yang mengkaji

---

<sup>16</sup> Bertens, K. (2003), *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 1.

<sup>17</sup> Joyce M. Hawkins (1997), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, h. 128.

<sup>18</sup> Solomon, R.C. (1984), *Morality and The Good Life*. New York: Mc Graw Hill., h. 20.

<sup>19</sup> Mohd. Nasir Omar (1992), *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, h. 13.

hal yang berhubung dengan nilai moral.<sup>20</sup> Secara lebih khusus, beliau menambah empat makna lain etika iaitu:<sup>21</sup>

- i. kajian berhubung dengan nilai moral,
- ii. kajian saintifik berhubung nilai moral,
- iii. perkataan yang sinonim dengan moral dan
- iv. kepercayaan moral

Aimini pula melihat etika sebagai falsafah mengenai teori nilai (*axiology*). Beliau berpendapat nilai adalah satu unsur yang dapat mencerminkan perlakuan manusia yang digambarkan dengan norma yang wujud dalam masyarakat. Dalam Islam nilai ilmu dan pemikiran merupakan unsur terpenting yang menentukan tindakan dan perlakuan manusia. Nilai juga digambarkan sebagai satu yang tersirat yang dinyatakan dengan lisan. Menurutnya lagi, nilai juga ditunjukkan dengan kenyataan-kenyataan seperti betul, salah atau memuaskan.<sup>22</sup>

Selain itu terdapat juga kesamaan makna lain berhubung dengan etika seperti yang dijelaskan sebelum ini, menurut Mel Thompson:

*Ethics is about moral choices. It is about the values that lie behind them, the reasons people give for them. It is about innocence and guilt, right and wrong, and what it means to live a good or bad life. It is about the dilemmas of life, death, sex, violence and money.*<sup>23</sup>

Sebagai kesimpulan, etika merujuk kepada ilmu pengetahuan berkaitan apa yang baik dan buruk, asas atau nilai yang berhubung dengan akhlak seseorang individu yang dipegang oleh sesebuah kumpulan masyarakat terhadap betul atau salah perbuatannya itu. Selain itu, etika juga mempunyai nilai-nilai pencegahan (*preventive*) bagi

---

<sup>20</sup> Mike W. Martin (2001), *Every Morality: An Introduction to Applied Ethics*. Canada: Thomson Learning, h. 6.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 8.

<sup>22</sup> Lihat Aimini Amir Abdullah (1997), "Epistemologi dan Aksiologi Islam", dalam Ahmad Fauzi Murad (ed.), *Tamadun Islam*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 34.

<sup>23</sup> Mel Thompson (1994), *Teach Yourself Ethics*. Great Britain: Hodder & Stoughton, h. 5.

mengawal ahli di dalam masyarakat dan ianya disebut sebagai peraturan, undang-undang ataupun norma.

### **.6.3 Moral**

Moral pula dari segi bahasanya berasal dari perkataan Latin iaitu *mores*<sup>24</sup> yang membawa maksud adat dan kebiasaan.<sup>25</sup> *Kamus Dewan* mendefinisikan moral sebagai ajaran atau pegangan berkaitan buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan atau kewajipan), sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi ketentuan-ketentuan baik buruk sesuatu akhlak. Selain itu ia juga merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan apa yang betul atau adil.<sup>26</sup> Dalam kamus *Cambridge International Dictionary of English* moral disebut sebagai hal yang berhubung dengan standard kelakuan baik dan buruk, keadilan dan kejujuran yang dipercayai oleh individu selain daripada undang-undang.<sup>27</sup>

Definisi yang diberikan oleh kedua kamus sebelum ini juga disokong oleh Nor'azzah Kamil dengan menyatakan moral merupakan idea umum yang diterima dan menjadi pegangan sesebuah masyarakat tentang buruk dan baik sesuatu tingkah laku manusia, sesuatu yang boleh dan tidak boleh dibuat dan seharusnya dibuat dan juga dorongan-dorongan yang membuat seseorang mengikut sesuatu arah yang betul ataupun salah.<sup>28</sup>

G.J. Warnorck dalam tulisannya *The Object of Morality* melihat moral secara mudahnya cara atau berbagai-bagai cara untuk melihat dan mempersoalkan berbagai-

---

<sup>24</sup> Mujahid Hj. Yusof (1997), *The Global View of Islam*. Melaka: UNITELE, h. 2.

<sup>25</sup> Muhamad Muslehuddin (1982), *Morality –It's Concept and Role in Islamic Order*. Delhi: Taj Co., h. 1

<sup>26</sup> Teuku Iskandar (1991), *op. cit.*, h. 834.

<sup>27</sup> Paul Procter (1997), *op. cit.*, h. 917. Lihat juga Peter Baelz, (1977), *Ethics and Belief*, London: Sheldon Press, h. 2.

<sup>28</sup> Nor'azzah Kamil (2002), *Nilai dan Etika dalam Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 33.

bagai isu berhubung dengan perbuatan atau tingkah laku.<sup>29</sup> Mohd. Nasir Omar pula memetik kenyataan yang diberikan oleh Peter Baelz dalam bukunya *Ethics and Belief* antara lain menyebut:

*Moral dan etika selalunya mempunyai makna yang sama. Walau bagaimanapun, adalah berfaedah jika dapat dibezakan antara keduanya, sekalipun kita selalu tidak berjaya membezakannya.*<sup>30</sup>

Terdapat beberapa pandangan lain yang menyatakan bahawa moral dan etika mempunyai makna yang sama. Misalnya K. Berthens menyimpulkan moral dari sudut etimologinya sama dengan etika, sekalipun asalnya perkataannya berbeza. Ia membawa maksud nilai dan norma yang menjadi pegangan seseorang atau satu kelompok dalam mengatur tingkah laku.<sup>31</sup> Ini juga seiring dengan pendapat J.L Mackenzie yang tidak membezakan terma moral dan etika apabila beliau menyebut:

*Kenyataan moral dan etika akan dapat menerangkan sesuatu perbuatan itu betul atau salah, atau perbuatan yang sejenis dengannya betul atau salah, ia mampu menyediakan garis perbezaan antara kebaikan dan keburukan mengenai perbuatan atau kecenderungan seseorang, atau sekurang-kurangnya ia dapat memajukan garis-garis panduan yang dengannya boleh dibuat berbagai-bagai pertimbangan moral.*<sup>32</sup>

Begitu juga dengan Shanon Ahmad, beliau menyatakan:

*Erti etika ialah akhlak, moral, budi pekerti, perwatakan manusia dalam menghadapi hidup setiap hari dalam segala aspek. Di dalamnya terkandung antara lain, nilai-nilai yang membentuk peribadi manusia untuk menentukan baik buruk, benar palsu setiap bidang hidup meliputi etika diri, keluarganya, masyarakatnya, bangsanya dan seluruh manusia. Dan kalau baik etika baiklah semuanya.*<sup>33</sup>

---

<sup>29</sup> G.J. Warnock (1973), *The Object of Morality*. London: Methuen & Co., Ltd., h. 1-10.

<sup>30</sup> Mohd. Nasir Omar (1992), *op. cit.*, h. 18

<sup>31</sup> Bertens, K. (2003), *op.cit.*, h. 4

<sup>32</sup> J.L Mackenzie (1971), *Inventing Right and Wrong*. Great Britain: Cox and Wyman Ltd., h. 9.

<sup>33</sup> Shanon Ahmad (1981), *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, h. 93.

Manakala Mustafa Hj. Daud turut bersetuju persamaan moral dan etika beliau menyatakan sesetengah sarjana pengurusan mendefinisikan etika sebagai sains moral (*science of moral*) dan prinsip-prinsip moral.<sup>34</sup>

Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa moral adalah sinonim kepada etika. Dalam kajian ini prasa ‘etika dan moral’ merupakan satu gandingan perkataan yang digunakan merujuk kepada satu sistem yang mengawal tingkah laku manusia dari aspek luaran dan dalaman kepada kehidupan individu dan masyarakat. Menurut Mohd. Nasir Omar dalam Islam, etika dan moral sekalipun banyak berbeza terutama dari segi sumber rujukan, dipanggil akhlak. Akhlak adalah istilah yang diperkenal dan diguna pakai oleh orang Islam bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Kedua-dua sumber autoritatif tersebut telah menggariskan pelbagai prinsip akhlak untuk panduan umat manusia.<sup>35</sup> Justeru dalam kajian ini etika dan moral yang dimaksudkan adalah akhlak Islam dan huraian lanjut mengenainya akan dibincangkan dalam Bab Dua.

#### **.6.4 Kursus**

*Kamus Dewan* mendefinisikan kursus adalah pelajaran mengenai sesuatu perkara (kepandaian dan pengetahuan) yang diberikan dalam jangka masa yang agak singkat.<sup>36</sup> Ia juga seiring dengan *Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM* menyatakan kursus ialah latihan (seperti syarahan) yang singkat mengenai sesuatu.<sup>37</sup> Bagaimanapun, Ainon Mohd *et. al*, menyebut kursus ialah kuliah ataupun pelajaran.<sup>38</sup> Lourence Urdang, mentakrifkan kursus adalah program, pengajian, kurikulum, kelas, jadual, syarahan,

---

<sup>34</sup> Mustafa Hj. Daud (1996), *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, h. 3-4.

<sup>35</sup> Mohd. Nasir Omar (2005), *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Prin-Ad Sdn. Bhd, h. 12.

<sup>36</sup> Noresah Baharom (1992), *op. cit.*, h. 857.

<sup>37</sup> Lihat *Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 368.

<sup>38</sup> Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2004), *op. cit.*, h. 77.

seminar ataupun pengajaran.<sup>39</sup> Menurut Hornby A.S, kursus ditakrifkan sebagai pendidikan, siri pelajaran, syarahan ataupun kursus.<sup>40</sup> Definisi yang diberikan oleh Lourence dan Hornby A.S juga lebih dekat maksudnya dengan *Buku Peraturan Akademik Program Sarjana Muda dan Program Diploma UTeM* yang menyebutkan kursus ialah gabungan mata pelajaran bagi sesuatu program pengajian.<sup>41</sup> Oleh itu, takrifan kursus yang digunapakai adalah berdasarkan definisi yang diberikan oleh buku *Peraturan Akademik Program Sarjana Muda dan Program Diploma UTeM* memandangkan ianya lebih relevan dalam konteks kajian ini.

Sebagai kesimpulan, tajuk kajian ‘Pembangunan Etika dan Moral Dalam Kursus-kursus yang Ditawarkan di UTeM’ adalah merujuk kepada kajian yang dijalankan bagi mengetahui pembinaan elemen-elemen etika dan moral yang merentasi proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan melalui kursus-kursus yang terdapat di UTeM.

## **.7 Kajian Lepas**

Dickinson (2000) pula dalam kajiannya *Giving Undergraduates Managerial Experience* mendapati bahawa kebanyakan daripada aplikasi baru yang diperlukan untuk melaksanakan tugas di tempat kerja boleh dipelajari melalui usaha gigih dan latihan daripada mereka yang sudahpun biasa dengan fungsi-fungsi pekerjaan tersebut. Dalam kajiannya juga, beliau mencadangkan agar model pembelajaran yang paling asas iaitu kemahiran generik (termasuk etika dan moral) adalah lebih penting daripada pembelajaran ciri-ciri spesifik dalam sesuatu kerja misalnya aplikasi komputer. Selain

---

<sup>39</sup> Lourence Urdang (1986), *Longman Synonym Dictionary*. Great Britain: Longman Group Limited, h. 235.

<sup>40</sup> Hornby, A.S. (2000), *Oxford Fajar Advanced Learner's English – Malay Dictionary*. Asmah Hj. Omar (terj.). Selangor: Fajar Bakti, h. 401.

<sup>41</sup> Lihat *Buku Peraturan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda dan Program Diploma UTeM* (2004), Melaka: Bahagian Pengurusan Akademik Pejabat Pendaftar, h. 1.



itu, hasil penemuannya juga menerangkan tentang jenis-jenis kemahiran yang ingin dilihat oleh majikan dalam profil graduan. Secara keseluruhannya, kemahiran-kemahiran yang diperlukan adalah berkaitan dengan komunikasi, penyelesaian masalah, kemahiran personal dan interpersonal, tanggungjawab dan kebolehan mengorganisasi. Sehubungan itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dickinson bolehlah disimpulkan bahawa kajiannya adalah merupakan kajian perbandingan di antara keperluan kemahiran teknikal di samping kemahiran generik. Kajiannya lebih memberi penumpuan di tempat kerja dan bukannya kepada kursus-kursus yang diikuti oleh pekerja semasa mereka menuntut di tempat pengajian mereka.

Harvey (2001) dalam kajiannya *Defining and Measuring Employability* mendapati bahawa kebolehpasaran graduan (*graduate employability*) boleh didefinisikan daripada pelbagai sudut, namun sebahagian besarnya berhubung dengan pemilikan suatu tahap kemahiran dan sifat yang tertentu oleh graduan, dan keupayaan untuk menggunakannya dalam pencarian dan pengekalan kerja. Menurut beliau seseorang yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi merupakan seseorang yang bermotivasi, berkeyakinan, komited, mampu membuat penyesuaian dan fleksibel. Beliau juga sanggup bekerja dalam kumpulan, cekap dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, fasih berkomunikasi, berinovasi dan cekap menguruskan sebarang perubahan. Selain itu beliau juga mampu menonjolkan suatu penghayatan terhadap perniagaan, pendekatan yang memfokuskan pelanggan, komitmen terhadap kualiti yang terbaik, mempunyai keinginan yang kuat dalam pembangunan sendiri dan bersifat analitik terhadap pendekatan yang digunakan. Secara ringkasnya, kajian beliau lebih melihat kepada maksud kebolehpasaran graduan yang perlu dimiliki oleh graduan sebelum melangkah ke dunia pekerjaan dengan membincangkan kemahiran insaniah secara umum. Bagaimanapun, ianya tidak menyentuh penekanannya dalam aspek

pembangunan etika dan moral dalam kursus-kursus yang ditawarkan semasa di peringkat pengajian.

Liew Chei Siang & Wye Chung Khain (2005) dalam kajiannya, *Persepsi Pelajar Tentang Kepentingan Pembangunan Kemahiran Generik: Satu Kajian Kes di Pusat Pengajian Ekonomi, UKM* terhadap 80 orang pelajar tahun akhir di Pusat Pengajian Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati bahawa indeks pembangunan bagi semua kemahiran generik lebih rendah daripada indeks kepentingan. Mereka mendapati kemahiran generik yang mencatatkan keberkesanan pengajaran paling rendah ialah keupayaan berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Inggeris, di samping keupayaan penguasaan ICT dan pengetahuan komputer, keupayaan menangani risiko atau tekanan serta kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif. Pada keseluruhannya, persepsi pelajar tentang tahap pembangunan dan tahap kepentingan bagi kebanyakan kemahiran generik yang dikaji tidak berbeza secara bererti mengikut modul pengkhususan dan pencapaian akademik. Ini bermaksud para pelajar akur akan kepentingan kemahiran generik namun pada masa yang sama penguasaan mereka terhadap kemahiran tersebut adalah rendah. Kajian ini mencadangkan bahawa kaedah PBL (*Problem Based Learning*) dalam pembelajaran dapat membantu pelajar membangunkan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif supaya mereka tidak lagi menjadi 'mesin peperiksaan' yang mahir. Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar tahun akhir di Pusat Pengajian Ekonomi dan ianya tidaklah menyeluruh kepada sesebuah pusat pengajian. Oleh itu, ianya tidak menggambarkan kajian ke atas pembangunan kemahiran generik (insaniah) kepada keseluruhan kursus-kursus yang ditawarkan di UKM.

Hazilah Mohd. Amin, Juhana Salim, Salwani Abdullah, Hairulliza Mohamed Judi dan Nor Azan Mat Zin (2006) dalam kajian *Tahap Kepentingan Kemahiran Komputer Mengikut Fungsi Pekerjaan di Malaysia* telah menjalankan kajian mereka terhadap tahap kepentingan kemahiran generik dan kemahiran komputer mengikut fungsi pekerjaan Malaysia. Kajian yang mereka jalankan adalah kajian tinjauan untuk meneroka jangkaan majikan terhadap kemahiran generik dan kemahiran komputer yang pelajar perlu mahiri mengikut fungsi pekerjaan. Sejumlah 217 pengurus syarikat dalam berbagai bahagian dan jabatan telah menjawab soalselidik yang telah diedarkan bagi tujuan pengumpulan data. Hasil kajian mendapati bahawa kemahiran generik yang dianggap penting oleh majikan adalah kebolehan bekerja dalam kumpulan, kemahuan bekerja keras, kebolehan cepat belajar, komunikasi, pengurusan masa, kemahiran menyelesaikan masalah, bermotivasi dan kemahiran analitikal di samping kemahiran komputer yang lain seperti HTML, SQL, Visual Basic, JAVA, Microsoft Access, C/C++, General dan Oracle. Secara jelasnya, kajian ini hanya menumpukan kemahiran generik sebagai subjek kajian di samping kemahiran komputer yang dijangkakan oleh pihak majikan mengikut fungsi pekerjaan masing-masing. Dalam masa yang sama, kajian ini hanya dijalankan terhadap pengurus-pengurus syarikat yang tertentu sahaja dan tidak melibatkan penelitian terhadap kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat universiti.

Berdasarkan beberapa kajian lepas yang dinyatakan sebelum ini ternyata bahawa kajian terhadap kemahiran insaniah telahpun dibuat sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kebanyakan kajian yang dibuat adalah melihat penguasaan kemahiran insaniah di kalangan graduan sebelum mereka diterima bekerja. Manakala bagi pihak majikan pula kajian yang dijalankan adalah melihat jangkaan mereka terhadap kriteria kemahiran insaniah yang perlu ada di kalangan graduan. Namun, tidak terdapat kajian

yang menjurus kepada kemahiran insaniah, khususnya dalam aspek etika dan moral dijalankan terhadap penawaran kursus-kursus di institut pengajian tinggi, terutamanya di UTeM. Persoalan yang perlu diteroka ialah, apakah mekanisme pengajaran dan pembelajaran yang jelas telah dapat digunakan, di samping melihat perlaksanaannya supaya membolehkan elemen etika dan moral dapat dibangunkan dalam diri pelajar. Walaupun ada kajian yang dibuat sebelum ini tetapi ianya tidaklah meluas dan tidak fokus terhadap persoalan-persoalan yang ingin dikaji dalam kajian ini.

## **.8 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian biasanya mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian berkenaan. Biasanya metode kajian terdiri daripada kajian perpustakaan dan kajian lapangan.<sup>42</sup> Dalam kajian ini pengkaji menghuraikannya dalam bahagian kecil iaitu reka bentuk kajian, kawasan kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data.

### **.8.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kajian deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif adalah kajian yang bertujuan menghuraikan sifat-sifat ataupun ciri-ciri tentang sesuatu keadaan pada waktu tertentu.<sup>43</sup> Sidek Mohd Noah pula menambah, kajian deskriptif selalunya dijalankan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.<sup>44</sup> Dalam kajian ini, pengkaji ingin memberi penerangan terhadap penekanan pembangunan aspek etika dan moral di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di UTeM

---

<sup>42</sup> *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2006), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 15.

<sup>43</sup> J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan Penggunaannya Dalam Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30.

<sup>44</sup> Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 42.

### **1.8.2 Kawasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di UTeM kerana UTeM merupakan sebuah universiti teknikal pertama di Malaysia yang memberikan penekanan terhadap cara pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berasaskan aplikasi. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah menjurus kepada kursus kejuruteraan yang merentas pelbagai disiplin seperti elektrik, elektronik, pembuatan, mekanikal dan juga teknologi maklumat. Oleh itu, pemilihan UTeM sebagai lokasi kajian adalah tepat bagi melihat pembangunan etika dan moral di dalam kursus-kursus yang ditawarkan.

### **1.8.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Terdapat dua kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan bagi mengumpul data dan maklumat. Menurut Sidek Mohd Noah, tujuan kajian kes dan lapangan dijalankan ialah untuk mengenalpasti dan mencari intensif tentang latar belakang status masa kini serta interaksi persekitaran suatu unit sosial sama ada melibatkan individu, kumpulan, institusi atau komuniti.<sup>45</sup>

#### **a. Penyelidikan Perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang dijalankan dengan mengumpul data yang terdapat dari sumber-sumber perpustakaan seperti buku-buku, majalah, jurnal, laporan-laporan, akhbar, laman-laman web, hasil pembentangan kertas kerja bagi melengkapkan dan menjelaskan hasil kajian.<sup>46</sup> Menurut Mohd. Jailani, kajian ini juga disebut sebagai kajian literatur.<sup>47</sup> Ia merupakan teknik untuk penyelidik mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Data yang didapati

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>46</sup> J. Supranto (1986), *op. cit.*, h. 9.

<sup>47</sup> Mohd. Jailani Mohd Nor (2004), *Kaedah Penyelidikan Kejuruteraan*. Singapore: Thomson Learning, h. 10.

merupakan data yang telah disediakan oleh penyelidik atau agensi lain dan lazimnya telah diproses terlebih dahulu.<sup>48</sup>

Menurut Mohd. Nawi, melalui kaedah ini penelitian karya dapat dilakukan bagi menceritakan sejauh mana pembaca sudah mengetahui dalam bidang yang sama dan berkaitan dengannya sehingga sampai kepada sempadan yang menampakkan kepada pembaca yang sudah selesai dan yang belum selesai, sama ada sudah nampak kepada pembaca yang terdahulu atau sebelumnya. Menurutnya lagi, kaedah ini merupakan satu kaedah atau proses untuk mencapai hasrat tersebut.<sup>49</sup> Stanley Richardson pula menambah penyelidikan perpustakaan membolehkan pengkaji memperoleh data yang diterbitkan dan ianya dikenali dengan data sekunder, sama ada daripada sumber elektronik ataupun bercetak.<sup>50</sup>

Kelebihan data jenis sekunder berguna untuk membezakan dapatan daripada pelbagai kajian dari aspek sebab musabab terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Bagaimanapun, kekurangan setiap maklumat yang diperoleh dan dikumpulkan hanya tertumpu kepada tujuan yang tertentu sahaja. Maklumat mungkin tidak diperlukan dalam kajian yang hendak dibuat. Oleh itu ia berguna bergantung kepada kebolehan pengkaji memahami dan menghurai maklumat yang didapati dalam kajian yang dijalankan.<sup>51</sup>

Pengkaji telah merujuk ke beberapa buah perpustakaan utama. Di antaranya ialah Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pangajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Negeri Melaka dan Perpustakaan UTeM.

---

<sup>48</sup> Mohd. Sapie Abu Bakar (1987), *Metodologi Penyelidikan*. Selangor: Penerbit UKM, h. 41.

<sup>49</sup> Mohd. Nawi Ab. Rahman (1988), *Kaedah Statistik*. Serdang: Penerbit UPM, h. 35.

<sup>50</sup> Stanley Richardson *et. al.*, (2005), *How to Research: A Guide For Undergraduate and Graduate Students*. Singapore: Thomson Learning, h. 20.

<sup>51</sup> *Ibid.*

Kaedah penyelidikan perpustakaan ini digunakan untuk kesemua bab di dalam kajian yang dijalankan.

#### **b. Kajian Lapangan**

Sebahagian besar data dan maklumat dari kajian ini diperoleh dari kajian lapangan. Melalui kajian ini pengkaji memperoleh data secara langsung dari responden menerusi temuduga, pemerhatian atau soal selidik yang dibentuk khas untuk tujuan-tujuan tertentu.<sup>52</sup> Kelebihan utama kajian lapangan membolehkan pengkaji memperoleh data prima. Maklumat boleh disesuaikan dengan keperluan kajian dan ianya adalah maklumat terkini dan lebih meluas.<sup>53</sup> Melalui kajian lapangan juga membolehkan pengkaji memerhati dan mencatatkan tingkah laku individu atau kumpulan subjek kajian dalam keadaan semula jadi.<sup>54</sup> Dapatan kajian melalui soal selidik merupakan data utama kajian ini. Ianya dibentangkan dalam jadual-jadual mengikut sub topik dan dijelaskan mengikut peratusan atau kekerapan yang diperolehi. Manakala hasil kajian melalui kaedah temu bual dan pemerhatian adalah data sokongan dalam menghuraikan dapatan kajian.

Persampelan dan responden kajian yang terlibat dalam kajian ini melibatkan para pelajar yang terdapat di UTeM dan juga para tenaga pengajar yang berkaitan. Dalam kajian ini, saiz sampel memainkan peranan yang besar dalam menentukan kejayaan dan kebolehpercayaan sesuatu ujian yang dijalankan. Bilangan minimum sampel bagi kajian pula bergantung pada beberapa perkara seperti saiz populasi, saiz sel-sel yang hendak dibandingkan dan jenis reka bentuk kajian yang digunakan. Bagi kajian jenis deskriptif, bilangan sampel minimum yang diperlukan adalah 10% daripada

---

<sup>52</sup> J. Supranto (1986), *op. cit.*, h. 10.

<sup>53</sup> Stanley Richardson *et. al.*, (2005), *op. cit.*, h. 21.

<sup>54</sup> Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mac Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., h. 141.

saiz populasi.<sup>55</sup> Manakala bentuk persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah rawak mudah bertujuan, iaitu ciri-ciri sampel telah ditetapkan seperti kategori pelajar dan pengajar, jantina dan juga fakulti. Persampelan rawak mudah adalah metode yang mudah bagi memilih unit ataupun responden dan adalah asas kepada bentuk-bentuk persampelan yang lain. Ia sesuai digunakan apabila populasi mempunyai sifat yang hampir seragam. Ini bererti setiap unit daripada populasi mempunyai peluang yang sama dengan unit yang lain untuk dipilih.<sup>56</sup>

### **i. Soal selidik**

Kajian ini akan dijalankan di UTeM dengan mengedarkan soal selidik kepada para pelajar yang mengikuti kursus-kursus yang berbeza di setiap fakulti yang terpilih. Penggunaan kaedah soal selidik sebagai alat pengukuran utama adalah lebih praktikal dan berkesan. Ini kerana kaedah persampelan digunakan dalam soal selidik untuk mengkaji populasi yang besar.<sup>57</sup> Borang soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian iaitu A dan B (Sila lihat lampiran A dan B). Borang soal selidik bahagian A akan diberikan kepada tenaga pengajar (pensyarah) yang terlibat di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala borang soal selidik bahagian B melibatkan para pelajar bagi mengetahui keberkesanan kursus-kursus yang ditawarkan dalam pembangunan etika dan moral. Soal selidik ini direkabentuk secara berstruktur dan tidak berstruktur. Kaedah ini digunakan untuk mengutip kedua-dua jenis data iaitu kualitatif dan kuantitatif. Data yang diperolehi akan dihuraikan dalam bentuk kekerapan dan juga peratusan di dalam Bab Tiga dan Bab Empat.

---

<sup>55</sup> Azizi Yahya *et al.* (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., h. 85.

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 73.

<sup>57</sup> Suseela Malakolunthu, "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan, dalam Marohaini (ed) (2001), *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 126.



Sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden, satu kajian rintis telah dijalankan kepada kumpulan pensyarah dan pelajar. Seramai 10 orang pensyarah dan 20 orang pelajar telah terlibat di dalam kajian rintis ini. Kajian rintis ini dijalankan bagi tujuan memastikan bahawa kaedah yang akan dijalankan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan. Menurut Sidek<sup>58</sup> kebolehpercayaan ujian bermakna ujian itu konsisten dan ia dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza. Huraian lanjut mengenai kajian rintis ini dinyatakan di dalam bab tiga.

## **ii. Temu bual**

Temu bual didefinisikan sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual haruslah lebih daripada hanya digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat, ia perlulah bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai satu fenomena.<sup>59</sup> Sidek Mohd Noah pula menambah kaedah temu bual digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk memperoleh maklumat tentang fakta, perasaan, kepercayaan dan aspek-aspek lain yang ingin diselidiki dalam kajian atau penyelidikan.<sup>60</sup> Temu bual dijalankan kepada tiga kelompok responden iaitu pegawai-pegawai pentadbir, tenaga pengajar dan para pelajar (Sila lihat lampiran C). Maklumat yang didapati daripada kaedah temu bual ini akan dibincangkan di dalam Bab Tiga dan Bab Empat bagi mengukuhkan dapatan kajian.

## **iii. Pengamatan dan Pemerhatian**

Kajian ini juga menggunakan kaedah pengamatan dan pemerhatian bagi mendapatkan maklumat tambahan yang sukar diperolehi melalui temu bual atau soal selidik. Stanley

---

<sup>58</sup> Sidek Mohd Noah (2002), *op.cit.*, h. 62.

<sup>59</sup> *Ibid.*, h. 114.

<sup>60</sup> *Ibid.*, h. 76.

Richardson juga bersetuju kaedah ini dapat memberikan maklumat berguna kepada pengkaji melalui proses ‘*observation*’ yang dilakukan.<sup>61</sup> Menurut Chua,<sup>62</sup> pemerhatian membolehkan pengkaji mengumpul data mengenai keadaan fizikal, keadaan berinteraksi dan juga keadaan sesuatu program dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji telah turut serta dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagai tenaga pengajar di dalam kelas yang dijalankan. Kaedah ini telah mengambil masa selama tiga bulan bagi mendapatkan maklumat kajian iaitu bermula pada bulan Ogos hingga Oktober 2009. Dapatan kajian melalui kaedah ini akan digunakan di dalam Bab Tiga dan Bab Empat bagi menguatkan perbincangan hasil kajian.

#### **1.8.4 Analisis Data**

Data yang diperoleh daripada kajian ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data yang bersumberkan prima dan juga sekunder. Data prima ialah sumber yang mempunyai kaitan langsung dengan kajian yang merangkumi temu bual, pengamatan, pemerhatian dan soal selidik. Manakala sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantaraan dengan keadaan dan pengalaman yang dikaji seperti ulasan, fail, tesis, makalah dan juga buku-buku ilmiah, sama ada dari bahan bercetak ataupun dari sumber elektronik seperti laman web dan internet. Kedua sumber tersebut digunakan bagi melengkapkan kajian ini.

Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisa dan diproses dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) Version 17. Dapatan kajian ini akan dihuraikan dengan analisis deskriptif dalam bentuk bilangan dan peratusan (%) di dalam Bab Tiga dan Bab Empat, disokong dengan data-data yang lain yang tidak bersumberkan soal selidik seperti temu bual dan juga pemerhatian.

---

<sup>61</sup> Stanley Richardson *et. al.*, (2005), *op. cit.*, h. 21.

<sup>62</sup> Chua, (2006), *op. cit.*, h. 141.

## **1.9 Struktur Penulisan Tesis**

Penulisan dalam tesis ini dibahagikan kepada lima bab. Dalam bab pertama adalah pendahuluan yang mengandungi perkara-perkara berhubung pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, kajian lepas, metodologi kajian, struktur penulisan tesis dan juga kesimpulan di bahagian akhir.

Manakala dalam bab ke dua, pengkaji membincangkan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar. Ia mengandungi pengenalan, keperluan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar, pertumbuhan dan perkembangan psikologi pelajar dan program-program pembangunan etika dan moral. Selain itu, di dalam bab ini juga akan membincangkan faktor keberkesanan program-program yang dilaksanakan kepada pelajar dan diakhiri dengan kesimpulan.

Di dalam bab ke tiga pula, perbincangan diteruskan dengan pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan di UTeM. Ia dimulakan dengan pengenalan, kemudian diikuti dengan pengenalan UTeM secara ringkas, matlamat kursus yang ditawarkan, kursus-kursus yang dijadikan sampel kajian, latar belakang responden, elemen-elemen pembangunan etika dan moral, mekanisme pelaksanaan pembangunan etika dan moral dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab ke empat pula, pengkaji meneruskan perbincangan dengan keberkesanan dan halangan pembangunan etika dan moral menerusi kursus yang ditawarkan di UTeM. Ia mengandungi pengenalan, keberkesanan pembangunan etika dan moral dalam kursus yang ditawarkan yang merangkumi aspek pengetahuan, amalan dan sikap. Selain

itu, pengkaji juga membincangkan halangan-halangan kepada keberkesanan dalam membangunkan etika dan moral dan di akhir bab ditutup dengan kesimpulan.

Dalam bab yang terakhir iaitu bab lima, pengkaji membuat rumusan ke atas perbincangan yang dibuat sebelum ini iaitu dalam bentuk rumusan umum dan khusus. Di sini pengkaji membawakan rumusan hasil kajian dan saranan-saranan yang boleh diketengahkan bagi membantu proses pembangunan etika dan moral dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UTeM. Setiap halangan yang telah dikenalpasti di dalam bab ke empat dinyatakan cadangan-cadangan yang sesuai bagi mengatasi masalah tersebut.

### **1.10 Kesimpulan**

Kajian ini amat penting dijalankan bagi memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti dan seimbang dalam pembangunan aspek spiritual, fizikal, emosi, intelek dan sosial. Segala usaha yang dijalankan dalam kajian ini dapat melihat pembangunan etika dan moral yang diterapkan di dalam kursus-kursus yang ditawarkan di IPT khususnya di UTeM. Selain itu, bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi pula, hasil kajian ini dapat dimanfaatkan ke arah penambahbaikan penyediaan modul kemahiran insaniah yang akan digunakan oleh semua peringkat Institusi Pengajian Tinggi di negara ini, yang lebih memberi fokus terhadap corak pengajaran, isi kandungan dan perlaksanaannya. Namun persoalan yang paling utama adalah bagaimana aspek etika dan moral ini dapat membantu pembinaan sahsiah pelajar dalam memenuhi aspirasi negara merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru dalam bab dua, pengkaji akan membincangkan pembangunan etika dan moral di kalangan pelajar dengan lebih dekat

lagi daripada sudut perkembangan psikologi pelajar, program pembangunan yang berkaitan dan faktor yang membantu keberkesanan program tersebut.